

Angka Giliran: _____

Tempat Duduk: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

ISE 231 Mikroekonomi I

Masa: [3 jam]

Pastikan kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

Jawab SEMUA bahagian Soalan 1 dalam BAHAGIAN A dan DUA soalan dalam BAHAGIAN B. Jawapan Soalan 1 hendaklah ditulis di dalam ruang-ruang kosong yang disediakan di dalam kertas soalan ini. Gunakan buku jawapan untuk menjawab soalan di dalam Bahagian B.

Alat pengira elektronik boleh digunakan.

BAHAGIAN A (60 markah)

Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahagian A (Soalan [A] hingga [N]). Tuliskan jawapan anda di dalam ruang-ruang kosong yang disediakan dalam kertas soalan ini.

SOALAN 1

- [A] Permintaan dan penawaran kasut capal di negeri Baldun Naim dicirikan oleh persamaan-persamaan berikut:

$$Q = 2P - 80$$

$$Q = 45 - 0.5P$$

dengan P merupakan harga dalam \$ sepasang dan Q merupakan kuantiti dalam ribu pasang sebulan.

- (i) Jelaskan persamaan yang mana merupakan keluk permintaan dan yang mana pula merupakan keluk penawaran. Nyatakan sebabnya anda mengatakan demikian.


(2 markah)

- (ii) Kerajaan telah menetapkan bahawa kasut capal tidak boleh dijual dengan harga yang lebih rendah daripada \$55 sepasang. Jelaskan langkah yang perlu diadakan oleh kerajaan Baldun Naim bagi menyokong dasar harga kerajaan tersebut.

(2 markah)

- (iii) Lukiskan dalam Rajah 1 berikut, keseimbangan pasaran kasut capal di Baldun Naim, tanpa dasar harga kerajaan dan selepas pelaksanaan dasar harga tersebut dalam (ii).

(2 markah)



Rajah 1: Rajah Keseimbangan Pasar

- [B] Dalam pasaran air galian di bandar Adn, terdapat 10,000 orang pembeli yang serba sama dan 1,000 orang pengeluar yang juga serba sama. Fungsi permintaan setiap orang pembeli diberikan oleh persamaan

$$Q = 6 - 2P$$

dan fungsi penawaran setiap orang pengeluar pula ialah

$$Q = 10P;$$

dengan Q merupakan kuantiti dalam botol seminggu dan P merupakan harga dalam \$ sebotol.

- (i) Berikan fungsi permintaan dan penawaran pasaran bagi air galian di bandar Adn.


(2 markah)

...4/-

- (ii) Hitungkan harga dan kuantiti keseimbangan pasaran air galian di bandar Adn.

(2 markah)

- [C] Cik Mustika mendapat sejumlah wang sebagai elaun mingguan. Elaun tersebut telah digunakan untuk membeli tembikai dan limau setiap minggu. Anggaran beliau tentang belanjawannya terhadap kedua-dua barang tersebut adalah seperti Rajah 2 berikut:



Rajah 2: Keseimbangan Penggunaan Cik Mustika

- (i) Jika harga limau ialah \$2.50 sekilo, berapakah jumlah elaun mingguan Cik Mustika itu, dan berapakah perbelanjaannya terhadap tembikai dan limau?


(2 markah)

(ii) Berikan persamaan bagi garisan belanjawan Cik Mustika.
(2 markah)

(iii) Berapakah kadar nilai penggantian sut tembikai untuk limau yang dihadapi oleh Cik Mustika pada keseimbangannya?
(2 markah)

[D] Lukiskan keluk-keluk puas sama Cik Aulia bagi keadaan-keadaan berikut. Label keluk puas sama anda dengan sempurna.


(i) Rokok merupakan barang neutral kepada Cik Aulia sedangkan limau merupakan barang yang berguna kepadanya.
(1 markah)



Rajah 3: Rokok Barang Neutral; Limau Barang Berguna

- (ii) Cik Aulia alergi terhadap udang (yakni, sakit jika makan udang) dan suka makan mi goreng mamak.

(1 markah)



Rajah 4: Udang Barang Mudarat; Mi Goreng Barang Berguna

- [E] Sheikh Jabir menggunakan barang X dan Y dan menikmati kepuasan seperti Jadual 1:

Kuantiti	MU _x	MU _y
1	10	6
2	8	5
3	6	4
4	4	3
5	2	2
6	0	1

Jadual 1: Jadual Utiliti Sut Sheikh Jabir

Diberikan pula $P_x = \$2$ dan $P_y = \$1$ dan pendapatan Sheikh Jabir ialah \$10.

- (i) Oleh kerana harga Y yang lebih murah dan harga X yang lebih mahal, Sheikh Jabir menggunakan perbelanjaannya seperti berikut:

$$2X + 6Y = \$10$$

Komen tentang pola perbelanjaan Sheikh Jabir ini.


(2 markah)

...7/-

- (ii) Bandingkan jumlah utiliti yang dinikmati oleh Sheikh Jabir dalam keadaan (i) dengan jumlah utilitinya jika dia memaksimumkan utilitinya.

(3 markah)

[F] Perhatikan Rajah 5 dengan teliti.




Rajah 5: Kesan Penggantian dan Kesan Pendapatan

- (i) Apabila harga benda alah jatuh daripada \$12.50 menjadi \$10, berapa unitkah pertambahan penggunaan benda alah itu yang disebabkan oleh kesan penggantian dan berapa pula yang disebabkan oleh kesan pendapatan?

(2 markah)

- (ii) Berapa unitkah merupakan kesan keseluruhan kejatuhan harga itu?
(2 markah)

[G] Perhubungan di antara 3 barang X, Y, Z digambarkan oleh hubungan harga dan kuantiti seperti dalam Rajah 6, dengan P merupakan harga dan Q mewakili kuantiti.



Rajah 6: Hubungan Harga dan Kuantiti Barang X, Y dan Z

Tuliskan bagaimana perhubungan di antara barang-barang berikut:

Barang X dan Barang Y: _____

Barang Y dan Barang Z: _____

Barang Z dan Barang X: _____

(3 markah)

- [H] Persamaan-persamaan berikut mewakili 3 keluk penawaran yang mempunyai cerun yang sama.

Tuliskan dalam ruang-ruang yang disediakan itu darjah keanjalan keluk keluk berkenaan, yakni sama ada anjal, tak anjal atau anjal satu.

(3 markah)

(i) $Q = \frac{P - a}{2}$: _____

(ii) $Q = \frac{1}{2} P$: _____

(iii) $Q = \frac{P + a}{2}$: _____

(Q = kuantiti, P = harga dan a = pemalar.)

- [I] Satu fungsi pengeluaran dicirikan oleh persamaan berikut:

$$Q = 10\sqrt{KL}$$

- (i) Tentukan kadar penggantian sut teknikal buruh untuk modal ($MRTS_{LK}$)

(3 markah)

- (ii) Tentukan darjah kehomogenan dan pulangan mengikut skel fungsi pengeluaran tersebut.

(2 markah)

[J] Tentukan pulangan mengikut skel fungsi-fungsi pengeluaran berikut:

(i) $Q = 50K^\gamma - L^\beta K^\sigma$

diberikan γ , β dan σ adalah pemalar; dan $\gamma = \beta + \sigma$

(2 markah)

(ii) $Q = \alpha L^\beta K^\gamma$

diberikan α , β dan γ adalah pemalar dan $\gamma < 1 - \beta$

(2 markah)

[K] Fungsi pengeluaran satu barang itu dipengaruhi oleh faktor teknologi seperti berikut:

$$Q = f(A(t)K, L)$$

dengan $A(t)$ merupakan fungsi teknologi yang bergantung kepada masa.

(i) Komen tentang kesan faktor teknologi ini.

(2 markah)

- (ii) Apakah akan terjadi kepada $MRTS_{LK}$ akibat daripada penggunaan teknologi ini?

(2 markah)

- [L] Di Kota Abiad, pihak Majlis Perbandaran telah membina sebuah gelanggang bulu tangkis untuk kegunaan awam. Permintaan untuk menggunakan gelanggang tersebut dianggarkan seperti persamaan berikut:

$$Q = 100 - 10P$$

dengan Q = kuantiti penggunaan dalam jam ^{seminggu} dan P = harga menggunakan gelanggang dalam \$ sejam.

- (i) Hitungkan lebihan pengguna jika orang ramai dibenarkan untuk menggunakan gelanggang tersebut dengan percuma.

(2 markah)

- (ii) Majlis Perbandaran Kota Abiad berhasrat untuk mengenakan kupon yang dijual dengan harga \$2 untuk sejam. Berapakah kerugian luput yang akan diakibatkan oleh penganan sistem kupon ini dan berapakah jumlah hasil yang dapat dipungut oleh MPKA sehari?

seminggu
(2 markah)

[M] Sebuah firma monopoli mengeluarkan outputnya dengan fungsi kos

$$TC = 5Q$$

Keluk permintaan yang dihadapinya dianggarkan oleh persamaan

$$Q = 53 - P$$

- (i) Hitungkan kombinasi harga-output yang akan memaksimumkan keuntungan pemonopoli tersebut dan hitungkan juga jumlah keuntungannya.

(2 markah)

- (ii) Berapakah output yang akan dikeluarkan oleh industri ini jika ia berada dalam pasaran persaingan sempurna?

(2 markah)

- (iii) Hitungkan lebihan pengguna di dalam kes (ii) di atas. Adakah lebihan pengguna ini melebihi lebihan pengguna di dalam kes (i)? Berapakah nilai kerugian luput yang timbul akibat monopoli?

(2 markah)

- [N] Syarikat al-Jamal merupakan sebuah firma monopoli yang boleh mengeluarkan minyak unta pada kos purata $AC = \$5$. Al-Jamal boleh menjual minyak untanya ke dua pasaran yang berasingan, Habil dan Jabil. Keluk permintaan di pasaran Habil dianggarkan oleh persamaan:

$$Q_h = 55 - P_h$$

dan keluk permintaan di pasaran Jabil dianggarkan oleh persamaan

$$Q_j = 70 - 2P_j$$

dengan Q_h , Q_j mewakili kuantiti diminta di Habil dan Jabil, dan P_h , P_j mewakili harga di kedua-dua pasaran berkenaan.

- (i) Berapakah kuantiti output yang harus dijual oleh al-Jamal di setiap pasaran untuk memaksimumkan keuntungannya?

(2 markah)

- (ii) Berapakah jumlah keuntungannya dalam keadaan ini?

(2 markah)

BAHAGIAN B (40 markah)

Jawab DUA (2) soalan sahaja. Gunakan buku jawapan untuk menjawab soalan bahagian ini.

Soalan 2 (20 Markah)

- (a) Andaikan seorang pengguna menggunakan cuma dua barang X dan Y. Tunjukkan dengan menggunakan keluk-keluk puas sama dan garisan belanjawan, caranya anda menerbitkan keluk laluan pengembangan harga dan keluk permintaan bagi barang X.
(6 markah)
- (b) Apakah perbezaannya di antara kesan pendapatan tulen dan kesan pendapatan rangsangan harga?
(6 markah)
- (c) Kenapakah keluk puas sama mungkin membengkok ke atas ataupun membengkok ke belakang? Jelaskan kenapa seseorang pengguna itu tidak akan memilih kombinasi yang terletak pada bahagian keluk puas samanya yang membengkok ke atas ini?
(8 markah)

Soalan 3 (20 markah)

- (a) Apakah bezanya di antara industri kos bertambah dan kos berkurang? Apakah andaian atau syarat yang akan menentukan sama ada sesuatu industri itu merupakan industri kos bertambah atau industri kos berkurang?
(5 markah)
- (b) Bermula dengan satu keseimbangan jangka panjang di dalam pasaran persaingan sempurna, jelaskan kesan-kesan ke atas pasaran jika permintaan bertambah di dalam industri kos berkurang dan industri kos malar.
(10 markah)
- (c) Huraikan secara ringkas ciri-ciri pasaran persaingan sempurna.
(5 markah)

Soalan 4 (20 markah)

- (a) Dalam fungsi pengeluaran $Q = f(L)$, tersirat dalam fungsi tersebut ialah hakikat bahawa buruh digunakan bersama sekumpulan faktor yang ditetapkan jumlahnya dalam jangka pendek.
- (i) Secara geometri, tunjukkan bagaimana anda menentukan jumlah buruh (L) yang keluaran purata buruh adalah maksimum.
 - (ii) Bagaimanakah anda menentukan jumlah buruh yang keluaran sut buruh adalah maksimum.
 - (iii) Jelaskan sama ada di antara kedua-kedua titik yang anda kenal pasti dalam (i) dan (ii) itu keluaran purata dan keluaran sut buruh bertambah atau berkurang apabila buruh ditambah.
- (6 markah)
- (b) Bincangkan bagaimana anda membezakan di antara ekonomi mengikut skel dan pulangan mengikut skel. Bagaimanakah anda menentukan pulangan mengikut skel pada sesuatu fungsi pengeluaran?
- (7 markah)
- (c) Apakah yang dimaksudkan dengan kemajuan teknologi? Huraikan jenis-jenis kemajuan teknologi mengikut klasifikasi Hicks.
- (7 markah)

Soalan 5 (20 markah)

- (a) Bincangkan faktor-faktor yang boleh mewujudkan monopoli.
- (4 markah)
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan kuasa monopoli? Bandingkan indeks monopoli yang digunakan oleh ahli-ahli ekonomi bagi menunjukkan kuasa monopoli.
- (8 markah)
- (c) Jelaskan syarat-syarat bagi sebuah firma monopoli mengamalkan diskriminasi harga. Bincangkan juga jenis-jenis diskriminasi harga yang boleh diamalkan oleh pemonopoli dan berikan contoh-contoh yang biasa tentang diskriminasi harga.
- (8 markah)